

# FSMP UMS adakan Ekspo Inovasi Makanan

UB 23.5.2019 B2

**KOTA KINABALU:** Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengendalikan Ekspo Inovasi Makanan buat kali kedua dengan jayanya pada 25 April lalu bertempat di FSMP, UMS.

Ekspo berkenaan adalah acara tahunan FSMP yang melibatkan pelajar-pelajar tahun ketiga dari program HS04, Sains Makanan dan

Pemakanan.

Ekspo mempamerkan dan menunjukkan inovasi-inovasi makanan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar tahun ketiga FSMP sebagai Projek Tahun Akhir mereka.

Antara dif-dif kehormat yang hadir pada hari itu ialah Dekan FSMP Prof. Dr. Sharifudin Md. Shaarani, Pengerus Syarikat Adabi Sabah Mohd Zahariah

dan pensyarah-pensyarah FSMP.

Dengan slogan 'Innovate Idea for A Better Future,' idea utama ekspo adalah untuk memanfaatkan pemikiran kreatif para pelajar dalam menggunakan pengetahuan dan ilmu yang mereka pelajari.

Pelajar-pelajar tahun ketiga FSMP bagi program HS04 perlu tampil dengan produk makanan yang mempunyai potensi yang tinggi serta dapat dimanfaatkan penggunaannya.

Ekspo ini yang membabitkan Projek Tahun Akhir bukan sahaja sebagai latihan untuk para pelajar sebelum ke alam pekerjaan tetapi juga melatih mereka untuk melakukan proses penulisan kertas kerja sehinggalah penghasilan prototip.

Ekspo ini juga diadakan bagi melatih kemahiran insaniah para pelajar iaitu kemahiran-kemahiran luar teknikal seperti kemahiran kepimpinan, kerjasama antara ahli kumpulan dan cara pembentangan. Tidak lupa juga, ekspo ini melatih para pelajar untuk 'menjual' idea mereka.



**SESI bergambar antara pemenang dalam Ekspo Inovasi Makanan FSMP 2019.**